

| | | | |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | 66 notis kepada peniaga ingkar | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Pantai Timur) | | |
| Date | 25 May 2018 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 20 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 222 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,760 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,280 |



66 notis kepada peniaga ingkar

KOTA BHARU - Jabatan Kesihatan Kelantan mengeluarkan 66 notis berjumlah RM8,300 kompaun kepada peniaga bazar yangingkar Peraturan Kebersihan Makanan di seluruh negeri ini dalam tempoh seminggu Ramadan.

Pengarangnya, Datuk Ahmad Razin Datuk Ahmad Mahir berkata, antara kesalahan utama yang dikenal pasti adalah kedegilan pengusaha bazar mematuhi peraturan pemakaian dan aspek kebersihan ketika berniaga.

"Setakat 23 Mei lalu, daripada 66 jumlah itu, 40 notis adalah dikeluarkan kepada peniaga ingkar kerana tidak memakai apron, penutup kepala dan kasut.

"14 lagi notis kepada peniaga ingkar berkait dengan ketidakpatuhan kepada pemeriksaan dan keadaan kesihatan pengendali makanan, manakala selebihnya lain-lain kes," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga memberi teguran kepada sebahagian peniaga yang mendedahkan makanan untuk dijual di bazar Ramadan di perkarangan Stadium Sultan Muhamad IV.

"Masih ada peniaga yang dikesan tidak menutup makanan yang dijual terutama kuih muih dan lauk pauk menyebabkan terdedah kepada lalat.

"Kita muahu mereka ubah cara mereka dengan meletakkan kuih muih yang dijual itu dalam bekas tertutup.

"Mereka boleh me-

nutup dengan plastik atau lebih baik menggunakan bekas berpenutup sebelum dilakukan di atas meja untuk dijual," katanya ketika Operasi Bazar Ramadan di stadium itu, semalam.

Operasi dengan tema ke arah Kelantan Gerbang Makanan Sihat 2020 : Lazat itu disertai 30 anggota dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) bermula jam 3.30 petang.

Pihak jabatan turut mengagihkan 50 bekas makanan tertutup dan 50 apron berwarna putih kepada peniaga bazar.

Beliau berkata, tahun ini sejumlah 64 bazar dengan 3,592 petak jualan terdapat di seluruh Kelantan dan jumlah tertinggi di Kota Bharu iaitu 17 bazar dengan 1,500 petak.

"Sebanyak 65 pasukan dibentuk bersama 258 anggota bagi menjalankan pendidikan, pemantauan dan pemeriksaan terhadap tahap kebersihan dan keselamatan makanan di bazar," katanya.



Razin (tengah) menunjukkan bekas makanan yang diajih kepada peniaga.